

BAB KETIGA

ASPEK-ASPEK ALIRAN NAHU KUFAH

3.1 Dasar-Dasar Aliran Nahu Kufah

Setiap ulamak nahu memerlukan hujah untuk menguatkan pendapat yang dikemukakannya. Hujah tersebut pula terbahagi kepada dua, sama ada hujah `aqīl atau yang dinamakan al-qiyās atau pun hujah naqīl atau yang juga disebut sebagai al-samā` . Justeru itu, kebanyakkan perbezaan dan perselisihan yang berlaku antara ulamak-ulamak nahu, termasuk juga perbezaan yang berlaku antara Aliran Nahu Basrah dengan Aliran Nahu Kufah adalah berpunca daripada perbezaan interpretasi mereka terhadap dua dasar utama dalam pembentukan nahu Arab tersebut iaitu al-qiyās dan al-samā` .

Dalam hal ini, Aliran Nahu Basrah dianggap aliran al-qiyās kerana kebanyakkan kaedah Aliran Nahu Basrah didasarkan kepada al-qiyās, manakala Aliran Nahu Kufah pula dianggap aliran al-samā` kerana ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah lebih bersandarkan kepada al-samā` sebagai hujah berbanding al-qiyās dalam masalah-masalah nahu.

Menurut Ahmad Dirat (1991 : 134) ; " Ulamak-ulamak Nahu Basrah berpegang teguh kepada qiyās kerana mereka mahu menjadikan nahu sebagai suatu ilmu yang tersusun, manakala ulamak-ulamak Nahu Kufah pula, mereka mengiktiraf segala apa yang didengar daripada orang-orang Arab kerana mereka tidak mahu mengabaikan hatta satu teks pun yang mereka anggap sebagai fasih.

Oleh itu, mereka tidak menghadkan tahap kefasihan dan ketulenan bahasa itu berdasarkan faktor geografi sebagaimana yang dilakukan oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah. Justeru itu, mereka turut melakukan *qiyās* terhadap dialek orang-orang Arab yang tinggal di bandar sebagaimana mereka turut melakukannya terhadap orang-orang Arab di kawasan pedalaman. Sehubungan dengan itu, mereka telah menyatakan bahawa penggunaan yang meluas mengharuskan pengabaian kaedah *qiyās* serta keluar daripada hukum asal ”.

3.1.1 Al-Qiyās

Al-Qiyās mengikut ulamak nahu ditakrifkan sebagai “ penentuan hukum suatu perkara cabang berdasarkan suatu kaedah dasar disebabkan wujudnya suatu ‘illat yang dikongsi bersama ” (Dr. Muhammed Khayr, *Usūl al-Nahw al-‘Arabiyy*, 1983 : 91).

Contohnya, penentuan hukum *marfū'* (مرفوع - nominatif) ke atas *Na’ib al-Fā’il* (نائب الفاعل - Pengganti Pelaku) adalah berdasarkan kaedah dasar yang menyebut bahawa setiap *al-Fā’il* (الفاعل - Pelaku) adalah *marfū'*. ‘Ilatnya (علة) - iaitu persamaan sebab yang wujud antara kaedah dasar dengan perkara cabang yang dikongsi bersama antara kedua-duanya) ialah *al-isnād* (الإسناد - iaitu penentuan atau penafian kata kerja terhadap kedua-duanya).

Dalam melakukan qiyās, ulamak-ulamak nahu tidak meletakkan syarat berdasarkan jumlah bukti yang mampu dicatat tetapi berdasarkan kefasihan dan ketepatan bukti tersebut, sebagaimana yang disebut oleh Ibn Jinnīy (Al-Khaṣā'is, 1986 : 1 / 116) ; “ Kadang kala sesuatu perkara itu sedikit tetapi boleh dilakukan qiyās terhadapnya, sedangkan terdapat sesetengahnya yang tidak boleh dilakukan qiyās terhadapnya walaupun bukti yang dikumpul adalah lebih banyak ”.

Oleh itu, ulamak-ulamak nahu menganggap bahawa pertengahan kurun yang ke-2 Hijrah adalah tempoh masa terakhir untuk mengumpul bukti-bukti bahasa daripada penduduk-penduduk bandar, manakala akhir kurun yang ke-4 Hijrah bagi penduduk-penduduk di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, mereka tidak menganggap kesemua kabilah Arab mempunyai tahap kefasihan yang sama. Bagi mereka kabilah Qays, Tamīm dan Asad menduduki tangga yang tertinggi dari sudut kefasihan dan diikuti oleh kabilah Hudhayl dan beberapa etnik dari kabilah Kinānat dan kabilah Ta'īy (lihat Ahmad Dirāt, 1991 : 142).

Dalam hal ini, pemakaian kaedah qiyās telah menjadi sebab utama berlakunya perselisihan antara Aliran Nahu Baṣrah dengan Aliran Nahu Kufah. Hal ini kerana ulamak-ulamak Aliran Nahu Baṣrah telah meletakkan syarat-syarat yang banyak ke atas penggunaan al-samā' yang merupakan asas bagi qiyās. Bagi mereka terdapat sesetengah kabilah yang boleh dijadikan bahan penghujahan bukti dan sesetengah yang lain pula ditolak penghujahan bukti daripada mereka. Di samping

itu, terdapat juga periwayat-periwayat puisi yang boleh diyakini dan yang tidak boleh diyakini penyampaiannya.

Sementara itu, ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah pula, lebih banyak bertolak ansur terhadap syarat-syarat yang dikemukakan oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah tersebut kerana mereka menghormati segala apa yang didengar daripada orang-orang Arab dan menerimanya sebagai hujah atau bukti bahasa.

Oleh itu, dalam Aliran Nahu Basrah kita dapati banyak terdapat kalimah-kalimah atau ungkapan-ungkapan yang dianggap *syâdh* dan *nâdir* semata-mata kerana kalimah atau ungkapan tersebut menyalahi kaedah *qiyâs*. Manakala dalam Aliran Nahu Kufah pula, perkara yang sedemikian amat kurang sekali kerana mereka turut melakukan *qiyâs* hatta ke atas satu bukti bahasa pun asalkan bukti tersebut dianggap fasih.

Dalam hal ini, Muhammad Ḥasyūr al-Suwayḥi dalam bukunya "Al-Qiyâs al-Nâhiyy Bayn Madrasatay al-Basrat_ Wa al-Kufat_" (1986 : 270) telah membuat kesimpulan bahawa ; " Method yang biasa digunakan oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah ialah melakukan *qiyâs* terhadap bukti-buktii bahasa yang telah digunakan secara meluas walaupun mereka juga kadang-kadang melakukan terhadap bukti-buktii bahasa yang kurang meluas penggunaannya. Manakala ulamak-ulamak Nahu Kufah pula, turut melakukan *qiyâs* terhadap bukti-buktii bahasa yang kurang meluas di samping bukti-buktii bahasa yang meluas penggunaannya di kalangan orang-orang Arab ".

Antara contoh qiyās di sisi Aliran Nahu Kufah yang menyalahi Aliran Nahu Basrah ialah keharusan `atf (عَطْف - penyambungan) ke atas al-Damīr al-Makhfūd (الضَّمِيرُ الْمَخْفُوضُ) Ganti Nama Genetif) tanpa perlu diulangi harf al-khafḍ (حَرْفُ الْخَفْضِ) agen genetif) bersandarkan kepada firman Allah Ta`āla (Al-Nisā' : 1) :-

(وَ اتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ)

iaitu huruf “ Mīm ” pada kalimah (الْأَرْحَامَ) dibaca dengan kasrat (كَسْرَةٌ) - baris di bawah) mengikut bacaan Imām Ḥamzat (Ibn Mujahid, Kitāb al-Sab`at, 1988 : 226).

Di samping itu, mereka juga mengharuskan idāfat (إِضَافَةٌ - penyandaran) Ism al-Fa`il yang mempunyai “ Alif Lam ” dengan syarat makna yang dibawa oleh ayat tersebut menunjukkan kepada keadaan kala kini atau akan datang. Contohnya, ayat (الضَّارِبُ زَيْدٌ الْآنَ) yang bermaksud “ Dia yang memukul Zaid sekarang ”.

Qiyās ini adalah berdasarkan suatu bait puisi daripada al-Aṣyā iaitu :-

الوَاهِبُ الْمِائَةَ الْهَجَانَ وَعَنْدَهَا عَوْذًا تُرْجَى بَيْنَهَا اطْفَالُهَا

(Ahmad Dirat, 1991 : 153).

Selain itu, banyak lagi kaerah nahu yang dikemukakan oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah yang menyalahi kaerah-kaerah Aliran Nahu Basrah disebabkan perbezaan mereka dalam mengguna pakai kaerah qiyas tersebut. Kita akan lihat lagi perbezaan-perbezaan tersebut dalam bab yang akan datang.

3.1.2 Al-Sama'

Al-Sama' atau yang juga disebut sebagai al-naql dari segi istilahnya ditakrifkan sebagai " apa yang lahir daripada suatu ucapan atau kata-kata yang diyakini kefasihannya, termasuklah firman Allah Ta'ala iaitu kitab suci al-Quran, sabda Rasulullah s.a.w. dan dialek-dialek Arab sama ada puisi atau prosa yang sebelum dan sezaman dengan Rasulullah s.a.w. sehingga ke suatu tempoh berlakunya kerosakan ke atas bahasa orang-orang Arab " (Muhammad 'Asyur al-Suwayh, 1986 : 10).

Al-Sama' adalah suatu perkara yang terhad, yakni para ulamak tidak mungkin dapat mendengar (untuk mengambil bukti bahasa) daripada semua kabilah Arab yang ada. Oleh itu, beberapa kabilah Arab lebih masyhur di kalangan pengumpul-pengumpul bahasa dan dianggap lebih fasih berbanding kabilah-kabilah yang lain berdasarkan pembahagian geografi.

Contohnya, para ulamak (secara umumnya) menolak bukti bahasa daripada kabilah Himyar kerana mereka sentiasa bercampur dengan orang-orang

Habsyāt, Yahudi dan Parsi, di samping menolak kabilah-kabilah yang berjiran dengan Mesir, Syam, Parsi dan wilayah-wilayah India seperti kabilah Lakhm, Jadhdhām, Quda'at, Ghassān dan Tagħlib dan juga menolak kabilah-kabilah yang tinggal di bandar (yakni selepas pertengahan kurun ke-2 Hijrah). Oleh itu, kabilah-kabilah yang tinggal di Pergunungan Hawāzin dan Perlembahan Tamīm di anggap lebih fasih. Sementara itu, mereka bersepakat bahawa kabilah Quraysy adalah kabilah Arab yang paling fasih.

Justeru itu, al-sama` menjadi medan perlumbaan periwayat-periwayat puisi dan pengumpul-pengumpul bahasa kerana mereka akan bersaing dalam mengumpul bukti-bukti bahasa daripada kabilah-kabilah Arab yang fasih. Kitab-kitab sejarah banyak menceritakan kepada kita tentang pengembaraan-pengembaraan yang dilakukan oleh para ulamak seperti Abū 'Amr bin al-'Allā', Yūnus bin Ḥabīb, Abū Zayd al-Anṣārī, al-Khalīl bin Ahmad, al-Kisā'iy, al-Asma'iy dan lain-lain lagi untuk tujuan tersebut.

Sementara itu, ulamak-ulamak nahu telah membahagikan al-sama` kepada dua bahagian iaitu :-

1) Tawātur (تواتر) yang meliputi bahasa kitab suci al-Quran, sabda

Rasulullah s.a.w. dan dialek-dialek Arab sama ada puisi atau pun prosa. Tawātur merupakan bukti bahasa yang muktamad dengan syarat bilangan mereka yang

mengumpul bukti tersebut mencapai jumlah sehingga menidakkkan kemungkinan mereka berpakaat untuk melakukan pembohongan.

2) *Āḥād* (أحاد), yakni al-samā` yang tidak menepati syarat-syarat tawātur, justeru itu menghasilkan keraguan dalam periwayatannya (kecuali qiraat al-Quran).

Kita akan memperkatakan secara lebih lanjut tentang qiraat al-Quran dan dialek-dialek Arab (puisi dan prosa) dalam perbincangan selepas ini. Sementara itu, ulamak-ulamak Nahu Kufah seperti juga ulamak-ulamak Nahu Basrah secara umumnya menolak penghujahan bahasa yang menggunakan hadith Nabi s.a.w. atas dua sebab utama iaitu :-

- 1) Setiap hadith harus diriwayatkan secara makna yakni para periyat hadith meriwayatkan hadith mengikut gaya bahasa mereka sendiri dengan meninggalkan ucapan asal daripada Rasulullah s.a.w..
- 2) Kebanyakan periyat hadith terdiri daripada golongan puak mawali yang dianggap telah rosak bahasa mereka.

3.2 Sumber-Sumber Aliran Nahu Kufah

Sumber-sumber Aliran Nahu Kufah pada asasnya adalah sama dengan sumber-sumber Aliran Nahu Basrah iaitu meliputi dialek-dialek Arab (puisi dan prosa) dan qiraat al-Quran. Bagaimanapun, kita boleh tambah satu lagi sumber

untuk Aliran Nahu Kufah iaitu Nahu Basrah memandangkan Aliran Nahu Basrah telah mendahului Aliran Nahu Kufah sekitar seratus tahun lamanya.

3.2.1 Dialek-Dialek Arab

Dialek-dialek Arab yang terdiri daripada puisi dan prosa termasuk juga ungkapan-ungkapan kata sememangnya menjadi nadi dalam pembentukan Aliran Nahu Kufah. Oleh itu, banyak buku sejarah dan bahasa yang menceritakan kepada kita tentang pengembaraan-pengembaraan yang dilakukan oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah untuk mengumpul bukti-bukti bahasa daripada orang-orang Arab yang dianggap fasih. Antaranya, pengembaraan al-Kisā'īy ke kawasan Najd, Tihāmat dan Hijāz (lihat 2.3.3). Begitu juga kita dapati al-Farrā' turut mengambil bukti-bukti bahasa daripada orang-orang Arab yang diyakini kefasihannya seperti Abū al-Jarrāḥ al-'Uqaylīy, Abū Tharwān al-'Aklīy dan Abū Ziyād al-Kilābiy.

Di samping itu, mereka juga mengambil bukti-bukti bahasa daripada catatan ulamak-ulamak yang terdahulu khususnya catatan-catatan Sibawayh dalam kitab beliau. Bukan setakat itu sahaja, al-Kisā'īy dan al-Farrā' telah pergi menemui al-Akhfasy untuk mentelaah kitab Sibawayh yang masyhur tersebut (Ahmad Dirāt, 1991 : 198).

Sementara itu, puisi-puisi Arab merupakan bahan penghujahan bahasa yang utama di sisi linguis-linguis Arab. Mereka akan merujuk kepada puisi apabila mendapati adanya perkataan-perkataan yang tidak boleh difahami di dalam al-

Quran. Ini kerana puisi telah merekodkan hampir kesemua makna yang dibawa oleh ayat-ayat al-Quran dari sudut bahasa.

Dalam hal ini, ulamak-ulamak nahu telah membahagikan para pemuisi kepada cempat generasi¹ iaitu :-

- 1) Generasi Pemuisi Jāhilīy
- 2) Generasi Pemuisi Mukhadramayn
- 3) Generasi Pemuisi Islāmiy
- 4) Generasi Pemuisi Muwalladīn

Secara umumnya, ulamak-ulamak nahu mengharuskan penghujahan puisi-puisi daripada tiga generasi pemuisi yang terdahulu, lebih-lebih lagi pemuisi-pemuisi daripada generasi pertama dan kedua. Manakala generasi pemuisi yang keempat iaitu Pemuisi-pemuisi Muwalladīn, secara umumnya juga ulamak-ulamak nahu menolak penghujahan bukti bahasa daripada mereka kerana penggunaan bahasa yang betul di kalangan pemuisi-pemuisi ini adalah diragukan.

Antara contoh penghujahan bahasa berdasarkan puisi-puisi Arab di kalangan ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah khususnya al-Farrā' bolch dilihat dalam kitab Ma'āni al-Qur'ān beliau. Antaranya ketika beliau mentafsir firman Allah Ta'āla (وَأَنْلَى الْقَرِيَّةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا وَالْعَيْنَ الَّتِي أَفْكَنَّا فِيهَا) :- (Yusuf : 82)

¹ Huraian tentang generasi tidak dibuat kerana tidak berkait rapat dengan objektif kajian.

Dalam ayat di atas terdapat pengguguran mudaf (مضاف) - Kata Nama

Penyandar) iaitu (أهْلَ الْعِنْزِيرِ) dan (أهْلَ الْقُرْيَةِ). Menurut al-Farrā' (Ma'āni

al-Qur'aan, 1983 : 1 / 61), pengguguran mudaf tersebut adalah harus selagi mana terdapatnya bukti yang menidakkan keraguan terhadap pengguguran tersebut. Hal yang sama juga berlaku seperti yang dapat dilihat dalam bait puisi daripada al-Mufaddal berikut :-

حَسِيبَتْ بُغَامَ رَاحِلَتِي عَنَّاقًا وَمَا هِيَ وَنِبَّ غَيْرِكَ بِالْعَنَاقِ

Pengguguran yang terdapat dalam bait puisi di atas ialah pada kalimah (بُغَامَ عَنَاقٍ) yakni (عنَاقًا).

Contoh yang lain pula boleh dilihat ketika beliau menterjemah firman Allah Ta'ala (Al-Baqarat : 150) :- (فَلَا تَخْشُونُهُمْ وَأَخْشَوْتَهُ) . Menurut al-Farrā'

(1983 : 1 / 91), orang-orang Arab mengharuskan pengguguran huruf " Ya' " yang dibuktikan oleh huruf sebelumnya yang berbaris kasrat. Contohnya boleh dilihat seperti dalam bait puisi daripada 'Antarat berikut :-

إِنَّ الْعَدُوَّ لَهُمْ إِلَيْكُ وَسِيلَةٌ إِنْ يَأْخُذُوكُ تَكَحُّلٌ وَتَخْضُبٌ

Dalam bait puisi di atas, huruf “ Ya’ ” pada kalimah (تَخْضُبٌ) telah digugurkan dan dibuktikan oleh huruf “ Ba’ ” yang berbaris kasrat.

3.2.2 Qiraat al-Quran

Terdapat banyak faktor yang telah menjadikan qiraat al-Quran (bentuk-bentuk bacaan di dalam al-Quran), sebagai sumber rujukan yang terpenting bagi Aliran Nahu Kufah selain dialek-dialek Arab. Seperti yang telah disebut dalam bab yang lalu (lihat 2.3.3), al-Kisa’iy - yang merupakan antara tokoh terpenting dalam aliran ini - adalah antara tujuh ulamak qiraat yang termasyhur. Sebelum itu, kota Kufah sendiri telah menjadi tempat tinggal bagi ‘Abdullah bin Mas’ud (iaitu sahabat Nabi yang terkenal dalam bidang qiraat dan tafsir) setelah Khalifah ’Umar al-Khaṭṭāb menghantar beliau untuk menjadi guru kepada penduduk-penduduk Kufah. Selain al-Kisa’iy, terdapat dua lagi tokoh ulamak qiraat (antara tujuh yang termasyhur) yang menetap di Kufah iaitu Ḥamzat bin Ḥabīb al-Zayyāt dan Ḥāsim bin Abī al-Nujūd.

Seperti yang disebut sebelum ini juga, al-Quran dan segala bentuk qiraat yang ada padanya sama ada tawātur atau pun ḥādīt merupakan bukti bahasa yang tidak boleh diragui kefasihannya. Perkara ini telah dipersetujui oleh para ulamak hatta ke atas bentuk qiraat yang bertentangan dengan kaedah qiyās.

Oleh itu, ulamak-ulamak Nahu Kufah mengiktiraf dan berhujah dengan segala bentuk qiraat yang ada kerana mereka mengiktiraf segala dialek Arab. Dalam hal ini, Dr. Mahdi al-Makhzumiyy (*Madrasat al-Kufat al-Nahwiyyat*, 1958 : 347) menyebut ; “ Ulamak-ulamak Nahu Kufah telah memilih cara yang betul apabila menganggap bahawa qiraat al-Quran merupakan suatu sumber yang penting untuk mengetahui bentuk-bentuk perbezaan yang berlaku antara dialek-dialek Arab kerana qiraat al-Quran adalah sumber yang sahih lagi terpelihara … ”.

Bukti bahawa ulamak-ulamak Nahu Kufah sangat mengambil berat tentang qiraat al-Quran boleh dilihat dalam kitab *Ma`ani al-Qur'an* oleh al-Farra' apabila beliau banyak mengemukakan bentuk-bentuk perbezaan yang wujud antara ulamak-ulamak qiraat. Antaranya ketika beliau mentafsir firman Allah Ta`ala (*Al-Baqarat* : 61) :-

(وَفُونِيهَا وَعَنْسِيهَا وَبَصَلِيهَا)

Menurut al-Farra' (1983 : 1 / 41) ; ‘Abdullah bin Mas`ud membaca (وَثُونِيهَا) iaitu dengan menukar huruf “ Fa' ” kepada huruf “ Tha' ” . Beliau seterusnya menyebut ; “ Orang-orang Arab menukar huruf “ Fa' ” kepada “ Tha' ” , justeru itu mereka menyebut (جَنْفَ) dan juga (جَنْثَ) Saya

telah mendengar banyak orang dari Banī Asad menamakan (المَغَافِر) sebagai (المَغَايِر)”.

Ketika beliau mentafsir firman Allah Ta’āla (Al-Furqān : 75) :-

(أُولَئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا وَيُلْقَوْنَ فِيهَا) , al-Farrā' (1983 : 2 / 275)

menyatakan bahawa ; “ Kedua-dua bacaan iaitu (يُلْقَوْنَ) yang dibaca oleh Abū

Bakr, Ḥamzat dan al-Kisā’iy dan bacaan (يُلْقَوْنَ) yang dibaca oleh ulamak-

ulamak qiraat yang lain adalah betul dan sahih ”. Beliau seterusnya menambah ;

“ Bacaan (يُلْقَوْنَ) adalah lebih menarik bagiku kerana bacaan (يُلْقَوْنَ) perlu

diiringi dengan huruf “ Ba’ ” dalam bahasa Arab ... ”.

3.2.3 Nahu Basrah

Seperti yang dinyatakan dalam bab yang lalu, Aliran Nahu Basrah wujud lebih dahulu daripada Aliran Nahu Kufah. Justeru itu, tidak hairanlah jika ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah menjadikan Nahu Basrah sebagai antara sumber rujukan dalam pembinaan aliran nahu mereka yang tersendiri.

Seperti juga yang dinyatakan sebelum ini (lihat 2.3.3), al-Kisā’iy telah pergi ke Basrah untuk berguru dengan al-Khalil, ‘Isā bin ‘Umar dan ulamak-ulamak

Basrah yang lain. Begitu juga, beliau dan al-Farrā' telah pergi menemui al-Akhfasy untuk berguru di samping mempelajari kitab Sibawayh (Ahmad Dirat, 1991 : 205).

Dalam kitab Ma'ani al-Qur'an sendiri, al-Farrā' (1983 : 1 / 127) banyak meriwayatkan bukti-bukti bahasa yang diambil daripada Yūnus bin Ḥabīb (ulamak Nahu Basrah yang terkenal). Antaranya beliau menyebut ; " Yūnus telah mendeklamasi kepadaku suatu bait puisi daripada al-Aṣyā' iaitu :-

إِلَى رَجُلٍ مِّنْهُمْ أَسْتَفِنْ كَلَمًا يَضْمُمُ إِلَى كَشْحَنَةٍ كَفَّاً مُخْضَبًا

Walau bagaimanapun, ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah tidak terikat dengan pendapat-pendapat ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah kerana beberapa sebab. Antaranya ialah perbezaan persepsi kedua-dua aliran tersebut terhadap penggunaan al-qiyās dan al-samā' dalam pembentukan nahu Arab (lihat 3.1). Begitu juga, perbezaan persepsi masing-masing dalam masalah penghujahan bukti-bukti bahasa berdasarkan qiraat al-Quran, puisi-puisi Arab dan ungkapan-ungkapan orang-orang Arab (Ahmad Dirat, 1991 : 207).

3.3 Istilah-Istilah Aliran Nahu Kufah

Sesuatu istilah, termasuk istilah-istilah nahu, lahir daripada persepakatan para ulamak (secara majoritinya) dalam bidang berkenaan. Pemilihan sesuatu istilah banyak bergantung kepada method yang mereka gunakan dalam kajian mereka dan dipengaruhi pula oleh budaya dan alam persekitaran. Oleh itu, kita

dapati istilah-istilah yang digunakan oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah adalah berbeza berbanding istilah-istilah yang digunakan oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah.

Dalam hal ini, istilah-istilah Nahu Kufah telah mencapai kematangannya di zaman al-Farrā' yang banyak diabadikannya dalam kitab Ma'āni al-Qur'ān beliau. Istilah-istilah tersebut pula sebahagiannya lahir sebagai tindak balas terhadap istilah-istilah Nahu Basrah yang tidak dipersetujui dan sebahagian yang lain pula adalah istilah-istilah baru yang belum lagi diketahui oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah. Bagaimanapun, dalam kajian ini penulis hanya akan membicarakan sepuluh istilah yang dipercayai boleh memberi manfaat kepada proses pengajian bahasa Arab di negara ini. Sepuluh istilah tersebut ialah :-

- 1) Syibh al-Maf'ul (شبه المفعول - Objek Samar) : iaitu istilah yang digunakan oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah ke atas al-Maf'ul al-Mutlaq, al-Maf'ul Fih, al-Maf'ul Li'ajlih dan al-Maf'ul Ma'ah (المفعول المطلق ، المفعول فيه ، المفعول لاجلها ، المفعول معه) yang digunakan oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah.

Hal ini kerana, ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah beranggapan bahawa al-Fīl (الفعل - Kata Kerja) hanya mempunyai satu maf'ul (مفعول - objek) sahaja

iaitu **Maf'ul** Bih (مَفْعُولٌ بِهِ) - Objek Jati). Dan yang selain darinya adalah Syibh al-Maf'ul (Ahmad Dirat, 1991 : 221).

- 2) **Al-Takrir** (التَّكْرِيرُ) : iaitu istilah yang disebut sebagai al-Badal (البَدَلُ) Pengganti) oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah. Istilah ini disebut oleh al-Farra' (1983 : 3 / 279) ketika mentafsir firman Allah Ta'ala (contohnya Al-'Alaq : 15 - 16) :-

(لَنْسَفَعَا بِالنَّاصِيَةِ نَاصِيَةً كَانِيَةً خَاطِيَةً)

Menurut beliau, perkataan (نَاصِيَةً) adalah Takrir kepada kalimah (النَّاصِيَةُ) yang sebelumnya.

- 3) **Al-Tafsir** (التَّقْسِيرُ) : iaitu istilah yang diberikan oleh al-Farra' untuk tiga istilah dalam Aliran Nahu Basrah iaitu al-Tamyiz, al-Maf'ul Li'ajlih dan al-Badal al-Mutabiq (التَّمَيِّزُ ، الْمَفْعُولُ لِأَجْلِهِ ، الْبَدَلُ الْمُطَبِّقُ).

Istilah al-Tafsir (Penerangan) untuk al-Tamyiz (Pembezaan) ini boleh dilihat ketika beliau mentafsir firman Allah Ta'ala (contohnya Ali 'Imran : 91) :-

(فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْ أَهْدِيهِمْ مِنْهُ الْأَرْضُ ذَهَبًا) Menurut al-Farrā' (1983 : 1 / 225),

perkataan (ذَهَبَا) dibaca dengan *nasb* (- نَصْبٌ - akusatif) kerana perkataan tersebut adalah " *mufassir* " (- مُفَسِّرٌ yakni *al-Tafsīr*).

Istilah *al-Tafsīr* untuk *al-Maf'ul Li'ajlih* (Objek Bersebab) pula, boleh dilihat ketika beliau mentafsir firman Allah Ta'āla (contohnya *Al-Baqarāt* : 19) :-

(يَجْعَلُونَ أَصْنَابِهِمْ فِي آذَانِهِمْ مِنَ الصُّنْوَاعِ حَتَّرَ الْمَوْتَ) iaitu pada kalimah

(حَتَّرَ) . Menurut al-Farrā' (1983 : 1 / 17) ; " Kalimah (حَتَّرَ) tersebut adalah

Tafsīr kepada kata kerja (يَجْعَلُونَ).

Sementara itu, istilah *al-Tafsīr* untuk *al-Badal al-Mutābiq* (Pengganti Penuh) dijelaskan oleh al-Farrā' (1983 : 1 / 348) ketika beliau mentafsir firman Allah Ta'āla (contohnya *Al-An'ām* : 100) :- (وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ) iaitu

kalimah (شُرَكَاءَ) adalah *Tafsīr* kepada kalimah (الْجِنَّ) sebelumnya.

4) Al-Tasydīd (التَّشْتِيدُ) : atau pun al-Tawķid (التَّوْكِيدُ) - Penegasan)

di sisi Sibawayh dan ulamak-ulamak Nahu Basrah yang lain.

Menurut al-Farrā' (1983 : 3 / 122) ; " Perkataan (السَّابِقُونَ) yang kedua dalam firman Allah Ta 'ala (Al-Waqi'at : 10 - 11) berikut :-
(وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ ، أُولَئِكَ الْمَقْرِبُونَ) boleh dijadikan sebagai Tasydīd kepada (السَّابِقُونَ) yang pertama Justeru itu, kalimah (السَّابِقُونَ) yang pertama adalah Subjek dan Predikatnya ialah frasa (أُولَئِكَ الْمَقْرِبُونَ).

5) Al-Fi'l al-Dā'im (الفَعْلُ الدَّائِمُ) : iaitu kategori kata kerja yang ketiga selepas al-Fi'l al-Mādi (الفَعْلُ الْمَاضِي) - Kata Kerja Kala Lampau) dan al-Fi'l al-Mudāri (الفَعْلُ الْمُضَارِعُ) - Kata Kerja Kala Kini) di sisi ulamak-ulamak Nahu Kufah dengan syarat kata kerja tersebut " berfungsi ". Ulamak-ulamak Nahu Basrah menamakannya sebagai Ism al-Fa'il (اسْمُ الْفَاعِلِ) - Kata Nama Pelaku).

Yang dimaksudkan dengan berfungsi di sini ialah kata kerja tersebut mempunyai al-Fa`il seperti dalam ayat berikut :-

yang bermaksud ; “ Saya melintasi di hadapan seorang lelaki yang ayahnya sedang berdiri ”. Dalam ayat di atas, perkataan (أبوه) adalah al-Fa`il kepada (قائم) yang disifatkan sebagai al-Fi`l al-Da`im (Kata Kerja Kekal) oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah (Ahmad Dirat, 1991 : 254).

Menurut Dr. Ibrāhīm al-Sāmara`īy (Al-Fi`l Zamanuhu Wa Abniyyatuhu, 1986 : 19) ; “ Ulamak-ulamak Nahu Kufah lebih rapat hubungannya dengan ilmu bahasa berbanding musuh mereka (yakni ulamak-ulamak Nahu Basrah) apabila mereka membahagikan kata kerja kepada tiga bahagian iaitu Fi`l Mādi, Fi`l Mustaqbal (yakni Fi`l Mudāri`) dan Fi`l Da`im ”.

Menurut beliau lagi (1986 : 19) ; “ Istim al-Fa`il dinamakan Fi`l Da`im kerana kata nama tersebut memberi makna kala kini dan kala depan ”.

6) Al-Fi`l al-Wāqi` (الفعل الواقع) : atau al-Fi`l al-Muta`addī (الفعل المتعدي) - Kata Kerja Transitif) dalam istilah Nahu Basrah. Yang dimaksudkan dengan al-Wāqi` di sini ialah kosan atau impak daripada kata kerja itu jatuh atau mengenai (yakni wāqi` dalam bahasa Arabnya) ke atas objek.

Hal ini dijelaskan oleh al-Farrā' (1983 : 1 / 12) ketika mentafsir firman Allah Ta'ala (contohnya Al-Baqarat : 26) :-

(إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَخِنُ أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَا بَعْوَذَةً فَمَا فَوْقَهَا) . Menurut al-

Farrā' , kata kerja (يَضْرِبَ) dalam ayat di atas adalah al-Fi'l al-Waqi` kerana

makna yang dibawa olehnya jatuh ke atas (بَعْوَذَةً) iaitu objek kepada kata kerja

tersebut.

Menurut Ahmad Dirāt (1991 : 267) ; " Penggunaan istilah al-Fi'l al-Waqi` adalah lebih tepat kerana makna " waqi` " ke atas maf'ul adalah lebih mendalam dan hampir berbanding makna yang dibawa oleh istilah " ta' addiy " .

7) Al-Ism al-Majhūl (الاسمُ المَجْهُولُ) : Dalam Nahu Basrah istilah ini disebut ḍamīr al-Sya'n (ضَمِيرُ الشَّيْءِ) . Al-Farrā' menggunakan istilah ini dalam Ma'anī al-Qur'ānnya (1983 : 1 / 361) ketika mentafsir firman Allah Ta'ala (contohnya Al-An'am : 145) :-

Menurut beliau ; “ Kebiasaan bagi kata kerja (كان) di sisi orang-orang Arab mempunyai marfu’ (مرفوع - Kata Nama Nominatif) dan mansub (منصوب) - Kata Nama Akusatif). Justeru itu, marfu’ (dalam ayat di atas) ialah Ism Majhul yang tersembunyi pada (كان) dan kata nama selepasnya (ميتة) adalah mansub ... ”.

8) La al-Tabri’at (لا التبرئة) : Istilah ini disebut oleh al-Farra’ (1983 : 1 / 120) ketika beliau mentafsir firman Allah Ta’ala (contohnya Al-Baqarat : 197) :-

(فَلَمْ رَفَثْ وَلَا فُسْوَقْ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجَّ)

Menurut beliau ; “ Ulamak-ulamak qiraat kecuali Mujahid membaca ketiga-tiga perkataan iaitu (رَفَثْ) (فُسْوَقْ) (جِدَالَ) dengan nasb kerana sebelumnya adalah La al-Tabri’at ”.

Penggunaan istilah La al-Tabri’at ini berbanding istilah La al-Nafiyyat Liljins (لا النافية للجنس) oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah telah disokong oleh

Ahmad Dirat (1991 : 271). Menurut beliau ; “ Saya lebih cenderung kepada istilah ini (Lā al-Tabri'at) bukan kerana saya menulis (buku) tentang al-Farrā’ , tetapi kerana istilah ini lebih hampir kepada maksud penafian berbanding istilah Lā al-Nafiyyat Liljins ... ”.

9) Al-Ism al-Thabit (الاسم الثابت) : iaitu istilah yang digunakan oleh al-Farrā’ ketika menghuraikan pengharusan dua bentuk bacaan seperti dalam contoh ayat berikut :- (كَلَّا سَيِّدُهُمْ أَبُوكَ) atau (كَلَّا سَيِّدُهُمْ أَبُوكَ). Ulamak-ulamak Nahu Basrah menamakannya dengan istilah al-Ism al-Jāmid (الاسم الجامد) - Kata Nama Beku).

Menurut al-Farrā’ (1983 : 3 / 215), bacaan yang paling jelas dari sudut makna ialah perkataan (سَيِّدٌ) dibaca dengan nasb dan perkataan (أَبُوكَ) dibaca dengan marfu’ iaitu bacaan yang pertama dalam contoh di atas. Hal ini kerana, kalimah (أَبُوكَ) adalah al-Ism al-Thabit (Kata Nama Tetap).

10) Al-Mad'ū (المَذْعُو) : iaitu kata nama yang didahului dengan Harf al-Nida' (حَرْفُ النِّدَاء) - Kata Seru). Ulamak-ulamak Nahu Basrah menamakannya sebagai al-Munāda (المُنَادَى).

Al-Farrā' menggunakan istilah ini ketika mentafsir firman Allah Ta'āla (يَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ أَلْتَ قُلْتَ لِلنَّاسِ) :- (contohnya Al-Mā'idat : 116) .

Menurut beliau (1983 : 1 / 326) ; " Kalimah (عَيْسَى) boleh dianggap sama ada marfu' atau pun mansūb kerana setiap kata nama yang diseru (yakni al-Mad'ū) dengan menggunakan namanya dan dihubungkan dengan nama ayahnya bolch dibaca dalam dua bentuk berkenaan ... ".

3.4 Ciri-Ciri Khusus Aliran Nahu Kufah

Melalui perbincangan kita sebelum ini, ciri-ciri khusus yang ada pada Aliran Nahu Kufah yang membezakannya dengan aliran-aliran nahu yang lain boleh dirumuskan secara umumnya dalam tiga sudut utama. Tiga sudut tersebut ialah :-

1) Pengumpulan dan Pengekodan Bahasa : Berbanding ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah, ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah lebih banyak meriwayatkan bukti-bukti bahasa (sama ada puisi atau prosa) kerana mereka menghormati setiap apa yang didengar daripada orang-orang Arab yang diyakini

kefasihannya. Sikap yang sedemikian telah menyebabkan mereka dikritik oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah bahawa mereka tidak berpegang kepada kaedah-kaedah yang tetap dalam penentuan kefasihan sesuatu bukti bahasa yang diambil.

Menurut 'Abd al-'All Salim (Al-Qur'an al-Karim Wa Atharuhu Fi al-Dirasat al-Nahwiyyat, 1965 : 135) ; " Hakikatnya, method yang digunakan oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah dalam bidang al-samā' adalah lebih baik berbanding method yang dipakai oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah. Hal ini kerana, menghormati setiap al-samā' walaupun dalam jumlah yang sedikit merupakan perkara yang tidak boleh disangkal kerana bahasa adalah suatu unsur yang hidup dan berkembang. Justeru itu, menjadi suatu kezaliman seandainya kita menyekat perkembangannya dengan belengu-belengu yang berat seperti yang dilakukan oleh ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah ".

2) Persepsi Terhadap Dialek-Dialek Arab : Oleh kerana ulamak-ulamak Nahu Kufah menghormati setiap dialek-dialek Arab, mereka tidak akan mengabaikan setiap bukti bahasa yang didengar daripada orang-orang Arab. Dalam hal ini, Ibn Jinniy (1986 : 2 / 14) menegaskan bahawa ; " Mereka yang bercakap berdasarkan qiyās terhadap suatu dialek Arab adalah betul dan tidak boleh dipersalahkan walaupun terdapat dialek yang lebih baik daripada itu ".

Oleh itu, kita dapat ulamak-ulamak Nahu Kufah menghormati setiap bentuk qiraat al-Quran yang ada tanpa banyak mempertikaikan kesahihannya. Pada masa yang sama juga mereka berpendapat adalah tidak menjadi kesalahan untuk

mengubah kaedah dasar sekiranya kaedah tersebut bertentangan dengan al-sama'. Hal ini kerana, bagi mereka hujah berdasarkan al-sama' adalah lebih teguh berbanding al-qiyās.

3) **Pentafsiran Terhadap Bukti-Bukti Bahasa** : Oleh kerana ulamak-ulamak Nahu Kufah banyak bergantung kepada al-sama' berbanding al-qiyās, kita dapat i mereka kurang cenderung untuk mentafsir atau mentakwilkan setiap bukti-bukti bahasa yang mereka dengar. Menurut Dr. Mahdi al-Māhzūmī (1958 : 379), hal yang demikian berlaku kerana ; "Ulamak-ulamak Nahu Kufah dapat merasai dan memahami bahasa Arab dalam bentuknya yang asal. Bagi mereka, kefahaman terhadap bahasa Arab bukannya dibina berdasarkan andaian-andaian atau pun formula-formula yang diarahkan oleh akal fikiran dan kaedah-kaedah mantiq (analogis), tetapi kefahaman tersebut lahir berdasarkan cita rasa dan naluri seseorang terhadap bahasa itu sendiri ".

Bagaimanapun, ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah tetap mentafsir bukti-bukti bahasa yang mereka yakini kefasihannya, yakni dari sudut memperjelas kaedah-kaedah nahu yang berkaitan. Dari sudut qiraat al-Quran misalnya, mereka hanya mentafsir setiap bentuk qiraat yang wujud, tetapi tidaklah sampai ke peringkat menyifatkan suatu qiraat itu sebagai *syadh* dan sebagainya (Ahmad Dirāt, 1991 : 294 - 298).